

SEJARAH DAN MASA DEPAN PERJUANGAN POLITIK ISLAM DI MALAYSIA

Oleh : Ahmad Fadhli bin Shaari
*Untuk dibentangkan dalam Kursus Pimpinan Pelajar YIK Zon 3
pada : 24 Mei 2001
bertempat : SMU (A) Amir Indera Petra, Bachok Kelantan..*

"Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)" - [\[1\]](#)

Muqaddimah

Adalah menjadi satu pekara yang tidak mungkin dapat disangkal akan kewajipan setiap muslim untuk menafkahkan dirinya dalam perjuangan Islam. Setiap yang ingin dirinya digelar sebagai pejuang sewajarnya menyoal dirinya sendiri setiap saat dan waktu "Apakah yang telah aku lakukan untuk Islam?". Lalu adalah menjadi satu keperluan kepada setiap individu muslim terutama sekali pelajar-pelajar agama yang merupakan generasi tunas dalam gerakan Islam membuka minda dan meluangkan masa untuk sama-sama berfikir bagaimana untuk menjadikan agenda perjuangan Islam sebagai satu realiti.

Dari konteks Malaysia, untuk melihat masa depan perjuangan Islam maka sudah tentulah tidak dapat tidak harus disorot dari segi sejarah. Ini kerana sejarah sudah tentu menjadi cermin kepada masa yang akan mendatang. Dalam memperkatakan mengenai sejarah perjuangan Islam di Malaysia, saya akan lebih menumpukan perbincangan kepada perjuangan Islam melalui politik khususnya PAS. Bukan saya bermaksud untuk menafikan harakah atau jemaah Islam yang tidak melibatkan diri dengan politik, namun kaitan politik secara tidak langsung dengan aktiviti gerakan Islam khususnya di Malaysia sama sekali tidak boleh dinafikan. Tambahan pula, politik adalah tumpuan utama setiap rakyat terbanyak pada masa lalu, kini dan akan datang. Bagi memudahkan perbahasan, saya membahagikan kronologi perjuangan politik Islam di Malaysia kepada 4 peringkat :

1. Sebelum 1955
2. 1955 - 1983
3. 1983 - 1997
4. 1998 - hari ini

Perjuangan Islam di Tanah Melayu Sebelum 1955

Fakta : Perjuangan Islam di Tanah Melayu bermula semenjak kedatangan Islam di Tanah Melayu yang masih merupakan polemik di kalangan ahli-ahli sejarah. Namun seara khususnya kebangkitan para ulama' di beberapa buah negeri di Tanah Melayu untuk menentang penjajah adalah merupakan titik tolak kepada kemaraan golongan agama dalam arena politik. Dari sudut yang lain, kebangkitan perjuangan Islam adalah selari walaupun tidak lebih awal dari kebangkitan nasionalisme. Sebelum gerakan kemerdekaan berlaku secara menyeluruh, Tanah Melayu sudah digegarkan dengan kebangkitan Abdul Rahman Limbong di Terengganu, Tok Janggut di Kelantan dan beberapa lagi penentangan yang dipelopori oleh golongan ulama'. Walaupun kebangkitan ini berlaku di merata-rata tempat, namun kesedaran menyeluruh untuk membebaskan diri dari penjajah masih belum berlaku.

Namun, penjajahan Jepun merubah senario ini. Pada tahun 1945, Dr. Burhanuddin Helmi memperkenalkan pemikiran politik Islam melalui penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Seterusnya ekoran dari gagasan Malayan Union pada tahun 1946, orang-orang Melayu mula bersatu melalui seruan "Hidup Melayu" di bawah kepimpinan seorang tokoh nasionalisme, Dato' Onn bin Jaafar. Pada awalnya, tokoh-tokoh ulama berada di bawah payung UMNO bersama dengan Dato' Onn untuk memperjuangkan kemerdekaan lebih-lebih lagi apabila Hizbul Muslimin diharamkan oleh British pada tahun 1948. Penyertaan golongan ulama pada masa itu bukanlah menunjukkan persetujuan mereka dengan dasar nasionalis tetapi kerana mereka melihat adalah lebih penting untuk mewujudkan penyatuan terlebih dahulu.[\[2\]](#) Namun, akibat beberapa pertembungan pendapat dengan pimpinan UMNO yang secara rasminya beraliran nasionalis sekular, tokoh-tokoh ulama beramai-ramai keluar dari UMNO untuk menubuhkan Persatuan Ulama yang terpisah dari UMNO pada tahun 1951. Beberapa bulan kemudian, ia bertukar nama menjadi Persatuan Islam Se-Tanah Melayu (PAS) di mana Tuan Haji Ahmad Fuad menjadi Yang diPertuanya yang pertama. PAS seterusnya menyertai pilihanraya pada tahun 1955 namun gagal untuk membentuk kerajaan persekutuan.

Ulasan : Perjuangan Islam pada masa Tanah Melayu masih bergegar dengan tuntutan kemerdekaan tidak dapat meyakinkan rakyat bahawa perjuangan mereka adalah yang terbaik. Tambahan pula pada masa tersebut, rakyat masih dihantui dengan kekejaman Bintang Tiga dan masih terngiang-ngiang dengan penindasan oleh tentera Jepun. Oleh yang demikian, mereka memilih untuk mengambil jalan selamat iaitu dengan mengundi pihak yang boleh memerikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Pihak terdekat yang dimaksudkan ialah UMNO. Ini sama sekali tepat dengan kehendak penjajah British yang seboleh-bolehnya mahukan pihak yang akan memerintah bekas tanah jajahan mereka akan terus menjalankan dasar-dasar pro-penjajah. Kerana itulah, Hizbul-Muslimin telah diharamkan oleh pihak penjajah pada tahun 1948. Namun, dalam masa yang sama kegagalan pihak ulama' untuk merebut peluang tampil ke hadapan juga merupakan satu faktor perjuangan Islam ditolak oleh kebanyakan rakyat pada masa itu. Tambahan pula, perjuangan yang dipelopori oleh golongan ini masih bercampur-gaul dengan

ideologi kebangsaan. Seandainya pihak ulama' mampu membentuk satu barisan alternatif bersama dengan barisan kepimpinan bangsa-bangsa yang lain, besar kemungkinan perjalanan sejarah politik di Malaysia akan berubah.

1955 - 1983

Fakta : Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Tunku Abdul Rahman selaku pemimpin tertinggi UMNO yang kedua secara automatik memimpin kerajaan Perikatan bersama dengan barisan kepimpinan bangsa-bangsa yang lain. Selaku kerajaan yang baru sahaja dibentuk, maka sudah tentulah mereka menghadapi pelbagai masalah yang menggugat kerajaan mereka. Pelbagai pihak di dalam negara masih sukar untuk dikongkong agar menjadi penyokong kerajaan. Akhbar-akhbar masih berperanan dengan bebas mengkritik pelbagai dasar yang berakhir dengan proses 'penelanjangan' kebebasan akhbar pada tahun 1962.^[3] Pada peringkat ini jugalah berlakunya proses peralihan perjuangan PAS sebagai sebuah parti politik nasionalis yang mempunyai nilai Islam kepada sebuah parti politik yang mempunyai konsep jemaah dan benar-benar menjadikan Islam sebagai dasar perjuangan. Ini berlaku seriiangan dengan pelbagai peristiwa-peristiwa yang berlaku di Malaysia. Kronologinya secara umum bolehlah dirumuskan seperti berikut :

- 1963 : Pembentukan Malaysia menyatukan Singapura, Sabah dan Sarawak. PAS yang masih merupakan parti politik nasionalis bercorak Islam mengambil sikap menentang yang sederhana.
- 1963 : Ideologi perjuangan Ikhwanul Muslimin mula meresap masuk ke dalam PAS. Di bawah pimpinan Prof Zulkifli Muhammad, PAS menghantar Haji Yusuf Rawa, AJK PAS Pusat ke Timur Tengah untuk memperkenalkan PAS sebagai sebuah gerakan Islam. Dialog demi dialog diadakan khususnya dengan pimpinan Ikhwan.
- 1964 : PAS di bawah Prof Zulkifli menghantar sepuluh orang pelajar-pelajar Malaysia yang pertama untuk melanjutkan pelajaran ke Iraq. Secara sulitnya, ia adalah persediaan awal untuk melahirkan satu generasi perjuangan yang berlainan dengan generasi yang sedia ada.
- 1964 : Prof Zulkifli Muhammad meninggal dunia dalam satu kemalangan. Tidak lama selepas itu, PAS kehilangan pula Dr. Burhanuddin. Seterusnya, PAS dipimpin oleh Dato' Asri. Kepimpinan beliau dikatakan semakin mengukuhkan lagi semangat ideologi kebangsaan Melayu dari dasar rasmi PAS iaitu Islam. Oleh yang demikian, PAS seterusnya benar-benar tidak dikenali sebagai gerakan Islam.

1968 : Al-Arqam ditubuhkan oleh Ashaari Muhammad. Dalam satu jangka masa yang panjang, ia mewujudkan satu senario yang benar-benar tidak disangka. Walau bagaimanapun, saya merasakan perbincangan mengenai Al-Arqam tidak wajar disentuh di peringkat ini.^[4]

- 1969 : Perlantikan beberapa orang ustaz-ustaz muda ke jawatan penting khususnya Ustaz Hassan Shukri yang baru saja pulang dari Iraq. Beliau terus dilantik sebagai Ketua Pemuda PAS Pusat. Beliau dan rakan-rakannya mula memperkenalkan konsep tarbiyyah ala Ikhwan. Pada masa tersebut, bermulalah secara rasmi apa yang dinamakan 'pertembungan dalaman' antara pimpinan yang sedia ada dengan ahli peringkat bawahan yang meyakini pembaharuan dalam halatuju perjuangan PAS.
- 1969 : Rusuhan kaum di Kuala Lumpur ekoran rasa tidak puas hati akibat jurang perbezaan ekonomi antara kaum. PAS khususnya tidak melihat ini sebagai peluang untuk menyerang habis-habisan pihak kerajaan ekoran kegagalan mereka membina perpaduan kaum. Adalah tidak dinafikan, pergolakan dalaman PAS merupakan penyebab kepada kegagalan mereka untuk berfungsi dengan sebaik mungkin.
- 1971 : Penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Ia sebenarnya ialah alternatif kepada golongan muda yang benar-benar mahu merealisasikan tuntutan perjuangan Islam ala Ikhwan. Pemikiran Sayyid Qiutb yang sebelum ini berkisar di kalangan ahli-ahli PAS mula diambil alih oleh ABIM. Penubuhan ABIM sebenarnya banyak dipelopori oleh bekas tokoh-tokoh pelajar yang radikal seperti Anwar Ibrahim, Kamaruddin Mohd Noor, Razali Nawawi, Sidiq Fadhil dan lain-lain. Ia juga turut menarik golongan 'ustaz muda' seperti Haji Abdul Hadi, Abdul Ghani Shamsuddin dan Fadhil Nor. Secara tidak langsung, ABIM sebenarnya dilihat sebagai wadah terbaik bagi meneruskan kesinambungan perjuangan Islam di Malaysia pada masa itu. Ini disebabkan oleh imej UMNO sebagai ultra-sekular dan imej PAS yang masih dilihat sebagai nasionalis sukar untuk diterima oleh golongan muda.
- 1973 : Penyertaan PAS ke dalam Barisan Nasional ekoran pelawaan yang dibuat oleh Presiden UMNO ketika itu, Tun Abdul Razak di atas nama perpaduan Melayu. Polemik yang dicetuskan oleh 'langkah merbahaya' PAS ini telah memperhebatkan lagi pergolakan dalaman yang telah sedia wujud sebelum ini. Walaupun PAS masih mengekalkan dasar rasminya iaitu Islam, namun ia tidak lebih sebagai retorik ekoran pengiktirafan PAS terhadap pendekatan UMNO/BN pada masa itu. Penyertaan PAS ke dalam BN juga secara tidak langsung juga menyebabkan ramai tenaga muda menjadikan ABIM sebagai pilihan utama.
- 1974 : Anwar Ibrahim memimpin demonstrasi besar-besaran pelajar di Baling bagi memperjuangkan isu kemiskinan. Beliau seterusnya mula muncul di persada politik Malaysia dengan imej Islamik dan

- radikal^[5].
- 1977 : Majlis Syura Tertinggi ABIM memutuskan penyertaan tiga orang ahli mereka ke dalam PAS khusus bagi satu 'misi khas' iaitu memulakan kembali usaha-usaha tarbiyyah atau dalam erti kata lain 'menyelamatkan' PAS dari terus hanyut dalam lautan perjuangan kebangsaan. Tiga orang ahli tersebut ialah Haji Fadhil Noor selaku Timbalan Presiden Abim, Haji Nakhaie Ahmad dan Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman yang kedua-duanya merupakan Exco ABIM Pusat.
- 1978 : Berlaku krisis dalaman yang hebat di dalam PAS antara Dato' Asri selaku YDP PAS dengan Mohamad Nasir selaku MB Kelantan. PAS Kelantan khususnya benar-benar berpecah. Akibat kekacauan yang timbul, darurat akhirnya distiharkan di Kelantan dan PAS ditendang keluar dari BN. Dengan 'tangan yang terikat', PAS dipaksa untuk bertarung dalam pilihanraya di Kelantan yang akhirnya menyaksikan Kelantan jatuh ke tangan BN untuk kali pertama selepas kemerdekaan. Krisis dalaman PAS ini juga membawa kepada terbentuknya parti Berjasa sebagai parti serpihan PAS.
- 1979: Revolusi Syiah di Iran^[6] berjaya meruntuhkan diktator Shah melalui kuasa rakyat. Ia mencetuskan kembali kebangkitan gerakan Islam di seluruh dunia. Dalam hal ini, Malaysia tidak terkecuali. Walaupun sebenarnya, pembaharuan di dalam PAS bermula lama sebelum itu, namun Revolusi di Iran mempercepatkan lagi langkah ke arah pembersihan PAS dari sebarang ideologi yang bercanggah dengan kehendak perjuangan Islam.
- 1981 : Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Hubungan peribadi yang rapat antara bekas Presiden Abim, Anwar Ibrahim dengan Dr. Mahathir sebelum ini secara tidak langsung menjadikan ABIM bersikap lebih lembut terhadap kerajaan yang sebelum ini telah dicop dengan pelbagai tuduhan.
- 1982 : Anwar Ibrahim mengumumkan penyertaannya ke dalam UMNO dengan misi untuk merubah UMNO daripada dalam. Secara rasminya, ABIM yang sebelum ini dianggap sebagai anti-kerajaan bertukar kepada pertubuhan Islam yang pro-kerajaan. Ini ditambah lagi dengan kerajaan Malaysia di bawah pimpinan baru Dr. Mahathir yang dianggap ultra-nasionalis sebelum ini menjalankan dasar Islamisasi di dalam kerajaan.
- 1983 : Ekoran desakan yang begitu kuat dari ahli-ahli PAS khususnya Dewan Pemuda PAS Pusat yang benar-benar mahu mengalihkan hala tuju perjuangan PAS sebagai sebuah gerakan Islam, Dato' Asri akhirnya melepaskan jawatannya sebagai Yang Dipertua PAS untuk memberikan laluan kepada kepimpinan ulama'. Bermula dari situlah, PAS akhirnya didominasi oleh kepimpinan ulama' sehinggalah hari ini.

Ulasan : Walaupun sebelum ini, PAS sebenarnya sudah meletakkan Islam sebagai dasar perjuangan, namun sebenarnya PAS sebagai sebuah gerakan Islam hanya benar-benar lahir pada tahun 1983 iaitu selepas ideologi pemikiran Sayyid Qutb benar-benar mendasari perjuangan PAS. Sebelum daripada itu di bawah kepimpinan non-ulama', PAS tidak lebih dari sebuah parti politik yang hanya mempunyai nama Islam tetapi tidak berbeza dengan UMNO dari segi pembawaan dan pelaksanaan dasar. Dan sejarah menyaksikan, proses pembersihan itu mengambil masa yang begitu panjang.

Pada peringkat inilah juga, lahirnya ABIM selaku penyebar pemikiran hakimiyyah ala-ikhwan. Peranannya dalam membantu kelahiran semula PAS sama sekali tidak boleh diperkecilkan. Namun, 'ijtihad' bekas pemimpinnya untuk menyertai UMNO telah merubah segala-galanya. Perlu disebut bahawa tidak seikit yang menitiskan air mata akibat tindakan Anwar Ibrahim^[7]. Ekoran daripada itu, selepas tahun 1983, ABIM yang sebelum ini menjadi pendokong kuat pemikiran Sayyid Qutb mula bersikap lembut dengan kerajaan manakala PAS yang sebelum ini merupakan parti politik nasionalis Islamik berubah wajah menjadi gerakan Islam yang mendokong kuat cita-cita untuk menegakkan sebuah negara Islam yang sebenarnya. Saya mengira, di sinilah bermulanya pertarungan sebenar antara PAS sebagai sebuah gerakan atau jemaah Islam dengan pihak pemerintah.

Laluan PAS seterusnya di Malaysia pada masa ini sememangnya terlalu sukar ekoran kemasukan Anwar Ibrahim ke dalam kerajaan. Akibatnya, masyarakat menerima proses Islamisasi sederhana dan beransur-ansur yang dibawa bersama penyertaannya ke dalam kerajaan. Kerana itulah, PAS sebenarnya menghadapi laluan yang benar-benar getir dan mencabar.

1983- 1997

PAS pasca kepimpinan ulama' lebih banyak berusaha untuk memantapkan kepimpinan ulama seterusnya memperkenalkannya kepada masyarakat umum. Usaha-usaha PAS lebih kepada untuk menyaingi proses Islamisasi yang dibawa oleh Anwar Ibrahim ke dalam UMNO. Ternyata, dalam banyak perkara, PAS lebih banyak ketinggalan. Faktor UMNO sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai segala-gala kemudahan adalah merupakan faktor yang terbesar. Oleh yang demikian, PAS khususnya hanya terpaksa menanti dan mengharap agar UMNO menghadapi krisis dalaman untuk diambil kesempatan daripada berusaha memberikan penerangan kepada rakyat tentang perjuangan PAS. Dan pembangkang khususnya PAS selalunya bernasib baik dalam penantian ini. Secara

umumnya kronologi di peringkat ini adalah seperti berikut :

- 1985 : Peristiwa berdarah Memali di Kedah yang mengorbankan sejumlah penyokong PAS dan seorang anggota polis. PAS seterusnya dilabel sebagai parti yang mahu menggulingkan kerajaan dengan kekerasan. Bagi saya, peristiwa Memali hanyalah sebagai satu langkah awal untuk melihat setakat manakah PAS boleh ditangani melalui kekerasan. Ia adalah cubaan yang benar-benar menguji tahap kematangan pimpinan PAS pada masa itu.
- 1986 : Pilihanraya Umum menyaksikan PAS kalah teruk dengan hanya memenangi satu kerusi parlimen. Namun, pada pilihanraya ini buat pertama kali gagasan pakatan antara pembangkang dilaksanakan walaupun ternyata ia masih lagi kabur dan tidak mempunyai kesepaduan yang jelas.
- 1987 : Ekoran pertandingan jawatan tertinggi di dalam UMNO, mereka berpecah kepada dua pasukan (team A dan team B). Tengku Razaleigh yang hanya kalah sebanyak 43 undi kepada Dr. Mahathir untuk jawatan Presiden UMNO membawa pengikutnya yang tidak sedikit keluar daripada UMNO dan memberntuk Semangat 46. Krisis ini berakhir dengan pengharaman UMNO dan kelahiran semula UMNO Baru di bawah pimpinan Dr. Mahathir. Manakala Semangat 46 pula muncul sebagai pembangkang yang hebat dan mampu menggugat kerajaan Dr. Mahathir pada masa itu.
- 1989 : PAS sebagai sebuah gerakan Islam membentuk kerjasama politik dengan Semangat 46 untuk menghadapi UMNO/BN di dalam pilihanraya. Kerjasama yang dinamakan Angkatan Perpaduan Ummah ini adalah merupakan gagasan pakatan pembangkang yang terbesar di dalam sejarah pilihanraya tanahair. Namun, kerjasama yang dibentuk oleh PAS ini ditentang oleh sebahagian ahli peringkat bawah. Ini membawa peristiwa keluarnya sebahagian daripada ahli-ahli PAS membentuk parti Islah.
- 1990 : Pilihanraya Umum diadakan. UMNO/BN masih berjaya menubuhkan kerajaan persekutuan. Pakatan APU pula berjaya menawan Kelantan dengan tidak memberikan sebarang kerusi kepada UMNO/BN. Ekoran daripada kejayaan inilah, Kelantan kembali dikuasai oleh pembangkang dengan PAS sebagai peneraju utamanya. Kejayaan menawan Kelantan juga adalah merupakan kejayaan pertama PAS di bawah kepimpinan ulama'. Seterusnya, PAS dilihat berjaya membina dan mengukuhkan kepercayaan rakyat kepada kepimpinan ulama'.

1993 : Di dalam UMNO, Anwar Ibrahim dikatakan mencapai kemuncak kejayaannya apabila memenangi jawatan Timbalan Presiden UMNO dalam pemilihan Majlis Tertinggi UMNO. Seterusnya Anwar Ibrahim dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Hampir keseluruhan ramalan politik pada masa itu mengatakan Anwar Ibrahim adalah bakal Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

1994 : Al-Arqam diharamkan oleh kerajaan. Para pemimpinnya dikenakan tahana ISA. Segala kegiatan ekonomi dan pendidikan Al-Arqam yang bergiat cergas sebelum ini dipantau dan ditamatkan dengan pukulan 'maut' oleh kerajaan yang diketuai oleh Pusat Islam. Dalam hal ini, PAS lebih kepada bersikap tunggu dan lihat. Manakala tuduhan sesat yang dilemparkan kepada Al-Arqam turut diperakui oleh pimpinan PAS.

- 1995 : Pilihanraya Umum sekali lagi menyaksikan UMNO/BN mengekalkan majoriti 2/3 untuk membentuk kerajaan. Manakala pakatan pembangkang pula tidak menunjukkan sebarang kemajuan selain daripada mengekalkan penguasaan di Pantai Timur khususnya di Kelantan. Masa depan pakatan pembangkang dan kemampuannya pada masa itu mula dicurigai oleh para pemerhati politik.
- 1996 : Tengku Razaleigh Hamzah akhirnya mengambil keputusan untuk membubarkan Semangat 46 dan membawa ahli-ahlinya kembali semula kepada UMNO. Sekali lagi PAS dilihat sebagai tergugat. Ini kerana dengan kemasukan Adun-adun dari Semangat 6 ke dalam UMNO, maka PAS gagal untuk membetuk majoriti 2/3 di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan. Walaupun demikian, kemenangan tipis PAS dalam pilihanraya kecil di Pulau Chondong sejurus selepas pembubaran Semangat 46 memberikan sedikit bukti bahawa rakyat Kelantan tetap bersama dengan kepimpinan ulama'.

Ulasan : Sebelum daripada kemenangan PAS di Kelantan, PAS dilihat gagal untuk meyakinkan rakyat bahawa kepimpinan ulama' adalah yang terbaik untuk mereka. Malah untuk meyakinkan ahli-ahlinya sendiri juga merupakan satu cabaran yang besar bagi PAS. PAS juga dilihat masih mencari-cari arah yang sesuai untuk berhadapan dengan UMNO yang memperhebatkan proses Islamisasi. Selain daripada seruan Islam, maka tidak ada isu yang boleh digunakan untuk menyerang kekuatan UMNO/BN. Saya lebih suka untuk mengatakan, seandainya UMNO/BN tidak dilanda dengan perpecahan, maka adalah sukar sama sekali bagi PAS untuk meraih undi rakyat.

Namun, selepas percakaran sesama pemimpin UMNO, mereka dilanda perpecahan yang begitu hebat. Dalam peringkat ini, PAS sekali lagi bertindak bijak untuk mengambil kesempatan daripada keadaan dengan menjalinkan kerjasama dengan Semangat 46. Walaupun berlaku kekeliruan di kalangan ahli-ahli PAS, namun ia tidak lebih dari kocakan air di kolam yang tenang. Sejarah seterusnya membuktikan bahawa langkah PAS adalah

tepat. Faktor Semangat 46 dan Istana Kelantan adalah merupakan faktor penting yang membantu kemenangan PAS di Kelantan. Manakala di Pantai Barat, Gagasan Rakyat iaitu pakatan Semangat 46-DAP gagal untuk meraih kejayaan. Seandainya Gagasan Rakyat juga berjaya di Pantai Barat, maka sudah tentulah perjalanan politik tanahair akan berubah sama sekali. Dengan andaian bahawa dengan kemenangan Gagasan Rakyat, kerajaan UMNO/BN akan mengalami kejatuhan, Tengku Razaleigh Hamzah pasti akan dilantik mengetuai kerajaan baru. Dalam masa yang sama, PAS masih belum berjaya menyebarkan fikrahnya secara menyeluruh. Dalam masa itulah, pasti berlakunya pertembungan ideologi antara PAS dan DAP dalam kerajaan. Kedua-duanya terlalu kuat berpegang dengan ideologi masing-masing. Umpama minyak dan air, adalah menjadi kemustahilan untuk kedua-duanya melakukan kompromi. Adalah menjadi satu kemungkinan yang hampir pasti bahawa perpecahan akan berlaku seandainya barisan pembangkang berjaya membentuk kerajaan persekutuan pada tahun 1990. Namun, ketentuan Allah adalah sebaik-baik ketentuan. Allah hanya menghadihkan Kelantan kepada PAS sebagai satu persediaan untuk satu kemenangan yang pasti akan diberikan satu hari nanti, Insya-Allah.

Walapun perkahwinan politik antara PAS dan Semangat 46 tidak dapat bertahan lama, namun sekurang-kurangnya pakatan itu memberikan hadiah berupa negeri Kelantan kepada PAS. Hadiah itulah yang menjadi pengkalan kepada PAS untuk melebarkan pengaruhnya ke seluruh tanahair. Walaupun demikian, kerajaan PAS dilihat masih gagal menjadi contoh kepada rakyat Malaysia ekoran kegagalannya untuk meningkatkan prestasi dalam pilihanraya 1995. Kerana itulah, sebenarnya PAS hanya menunggu agar UMNO dilanda krisis dalaman untuk meraih kemenangan. Tanpa krisis dalaman UMNO, sukar sekali untuk PAS memperolehi kejayaan. Antara faktor yang menyumbang ke arah berlakunya senario sebegini ialah kegagalan PAS untuk menyebarkanluaskan fikrah dan ideologinya kepada masyarakat umum. PAS masih disaluti imej kolot, kekampungan dan fanatik.

1997 - sekarang

Sebagaimana yang sudah dijelaskan, perkembangan dan perjuangan PAS dalam arena politik tanah air bersifat statik dan stereotaip semata-mata. Namun, untuk melihat perpecahan berlaku di dalam PAS khususnya dalam masa kepimpinan ulama' ini adalah amat sukar tidak sebagaimana UMNO yang sering bergolak dengan politik terajangnya.

Kedudukan UMNO selepas kemasukan kembali Tengku Razaleigh bolehlah dikategorikan sebagai agak mantap. Malah tidak keterlaluan untuk menyatakan, kerajaan PAS di Kelantan mempunyai kemungkinan untuk dijatuhkan seandainya senario selepas kemasukan Tengku Razaleigh ke dalam UMNO berterusan sehingga pilihanraya yang berikutnya. Namun, tiada siapa dapat menghalang ketentuan dari Allah SWT. Kronologi seterusnya terus meletakkan PAS sebagai pihak yang sentiasa bernasib baik.

1997: Pada bulan Julai, Malaysia dan negara-negara sekitar mengalami kejatuhan nilai mata wang yang teruk. Pada masa itulah, timbulnya desas-desus akan mengenai percakaran yang berlaku di dalam UMNO khususnya antara Anwar Ibrahim (Timbalan Presiden) dengan Dr. Mahathir Mohamad (Presiden).

1998: Anwar Ibrahim dipecat daripada UMNO dan Kerajaan di atas beberapa tuduhan yang sama sekali tidak dapat dibuktikan dengan jelas. Sekali lagi senario politik di Malaysia menjadi panas. Demonstrasi jalanan menjadi popular dengan tiba-tiba. UMNO berada pada tahap yang paling teruk selepas kemerdekaan. Pemecatan Anwar bertepatan dengan era teknologi maklumat menjadikan UMNO tidak sempat untuk menangkis pelbagai tuduhan yang dilemparkan dari pelbagai sudut.

Ekoran dari pemecatan Anwar, secara imej Islamik yang selama ini membayangi UMNO walaupun tidak banyak hilang secara tiba-tiba. Ahli-ahli akademik dan tokoh-tokoh masyarakat yang selama ini merupakan penyokong UMNO keluar beramai-ramai ke barisan pembangkang. UMNO kembali kepada imej ultra sekular nasionalisnya seperti era 70-an.

Hasil daripada pemecatan Anwar, PAS tidak gagal untuk memanipulasi keadaan sebaik mungkin. Dengan diketuai oleh PAS, barisan pembangkang digabungkan sebaik mungkin untuk menjatuhkan UMNO/BN dalam pilihanraya. Apa yang menarik, kali pertama dalam sejarah politik tanah air, PAS berjaya menjalinkan kerjasama rasmi dengan DAP di samping penyokong-penyokong Anwar berada di dalam parti Keadilan Nasional. Kerana itulah, gabungan pembangkang kali ini boleh disifatkan sebagai yang terbaik di dalam sejarah politik tanahair. Namun tidak dapat dinafikan bahawa ia masih mempunyai banyak kelemahan. Halatuju yang ingin dibawa masih kabur dan tidak jelas.

1999: PAS berjaya menawan Terengganu dalam pilihanraya umum. Manakala sokongan orang-orang Melayu kepada UMNO/BN merosot dengan begitu teruk. Di beberapa buah negeri, majoriti kekalahan PAS hanyalah tipis. Para pemerhati politik ramai yang berpendapat bahawa seandainya hak lebih 600,000 orang pengundi baru tidak dinafikan dalam pilihanraya kali ini, maka sudah pasti kerajaan UMNO/BN sudah ditalkinkan. Namun, perancangan Allah adalah sebaik-baik perancangan.

2000: Pilihanraya kecil di Lunas pada akhir tahun 2000 menyaksikan kemenangan calon Keadilan, Saifuddin Nasution dengan majoriti yang agak selesa. Oleh kerana pengundi Lunas

kebanyakannya bukan terdiri dari orang Melayu, maka senario ini harus dilihat sebagai sokongan orang bukan Melayu kepada pembangkang. Oleh yang demikian, seharusnya PAS melihat ini sebagai peluang terbaik untuk menjatuhkan kerajaan UMNO/BN pada pilihanraya yang akan datang.

Ulasan :Tiada siapa yang dapat menafikan bahawa pemecatan Anwar Ibrahim adalah merupakan pencetus kepada kebangkitan rakyat di Malaysia. Walaupun pemecatan itu bukanlah satu-satunya faktor, tetapi ia tetap merupakan faktor utama. Rakyat kembali memperkatakan soal keadilan, ketelusan dan kejujuran pemimpin. Isu rasuah, kronisme dan lain-lain diperkatakan dengan hebatnya oleh pembangkang termasuklah PAS.

Melihat dari konteks PAS, jika sebelum ini, isu yang diutarakan ialah soal perjuangan dan negara Islam, maka pada hari ini, PAS lebih banyak memperkatakan isu-isu nasional dan cuba untuk tidak memperlihatkan perbezaan ideologi dengan rakan-rakan pembangkang yang lain. Ini tidak sukar bagi PAS kerana sedikit demi sedikit PAS sudah mula dikenali sebagai parti intelektual ekoran penyertaan beramai-ramai ahli akademik ke dalam PAS. Imej kampung, kolot dan konservatif sebelum ini boleh dikatakan telah tiada dalam PAS.

Namun, adakah dalam masa yang sama, PAS sudah mula melupakan aliran pemikiran Sayyid Qutb yang dijunjungnya dengan begitu kuat sebelum ini? Tentu sekali tidak. Melihat kepada corak kepimpinan dan organisasi PAS, maka sama sekali tidak boleh dikatakan bahawa PAS sudah mula meninggalkan ideologinya sebagai sebuah jemaah Islam. Namun, usia setengah abad telah memamatkan PAS agar sentiasa berhati-hati.

Sesungguhnya hari ini, PAS berada dalam kedudukannya yang paling selesa untuk membentuk kerajaan selepas ini. Namun, satu persoalan yang harus dijawab. Adakah sokongan rakyat kepada pembangkang khususnya PAS ialah kerana rakyat menerima konsep perjuangan Islam atau hanya sekadar sebagai satu alternatif kepada UMNO/BN? Bagi saya, PAS sebenarnya masih gagal untuk menyajikan ideologi perjuangan Islamnya dengan baik. Oleh yang demikian, sokongan rakyat yang meningkat pada hari ini bukanlah satu bukti bahawa ideologi PAS mula diterima. Ia sebenarnya tidak lebih dari manifestasi kebencian rakyat kepada UMNO/BN. Kebencian rakyat ini diterjemahkan dalam bentuk sokongan kepada pembangkang khususnya PAS. Dalam erti kata lain, jika hanya kerana ideologi Islam yang ada pada PAS, sebenarnya PAS masih tidak berjaya sekalipun tidak gagal seratus peratus.

Ya, kedudukan UMNO/BN sudah tidak selamat, namun adakah itu secara automatik merupakan janji selesa kepada perjuangan Islam? Bersediakah sebenarnya PAS khususnya menangani kemenangan dengan sebaik mungkin?

Peranan seterusnya generasi tunas bagi memastikan kemenangan sebenar Islam

Sesungguhnya perjuangan Islam pasti akan memperolehi kemenangan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

Hari Kiamat tidak akan berlaku sehinggalah para muslimin memerangi orang Yahudi. Para muslimin memerangi mereka menyebabkan orang Yahudi bersembunyi di belakang batu dan pokok. Maka batu atau pokok berkata: Wahai para muslimin! Wahai hamba Allah! Ada Yahudi di belakangku. Datanglah ke sini dan bunuhlah dia melainkan pokok yang berduri, kerana pokok itu adalah di antara pokok kaum Yahudi . (Hadis riwayat Bukhari, Muslim & Ahmad)

Namun, adakah kemenangan Islam itu akan diberikan seperti mana turunnya hujan? Adakah Allah SWT akan memberikan kemenangan kepada perjuangan Islam secara percuma? Tentu sekali tidak.^[8] Allah SWT berfirman yang bermaksud :

Adakah kamu menyangka bahawa kamu akan masuk Syurga padahal belum lagi nyata kepada Allah (wujudnya) orang-orang yang berjihad (yang berjuang dengan bersungguh-sungguh) di antara kamu, dan (belum lagi) nyata (wujudnya) orang-orang yang sabar (tabah dan cecal hati dalam perjuangan)?^[9]

Dalam konteks Malaysia, generasi tunas khususnya mereka yang mempunyai kesedaran agama yang tinggi seharusnya memainkan peranan yang penting bagi memastikan kemenangan kepada Islam bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia. Ini kerana seandainya kita menerima tanggapan bahawa kemenangan Islam sudah semakin hampir di Malaysia, maka tidak dapat tidak yang akan menangani dan mengisi kemenangan tersebut ialah generasi muda yang ada pada hari ini. Adalah menjadi satu kepincangan yang maha hebat seandainya kemenangan yang dianugerahkan oleh Allah hanya menyebabkan pejuang-pejuang Islam lalai untuk terus berjuang. Sesungguhnya kita tidak mahu saat-saat kemenangan yang paling berharga dicemari dengan 'tragedi Uhud yang kedua'. Akhirnya, kemenangan yang diberikan tidak lebih hanyalah merupakan penghinaan daripada Allah SWT.

Hari ini, generasi pemuda harus bersedia dengan seribu kemungkinan. Cabaran di hadapan terlalu hebat untuk dihadapi. Dunia tanpa pesempadanan menguji sejauh mana kekentalan semangat generasi tunas megharungi dugaan hidup untuk muncul sebagai tentera Allah. Generasi tunas hari ini seharusnya :

- ? Mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang^[10].
- ? Mengasuh dan mendidik jiwa agar boleh beristiqomah dengan perjuangan Islam. Sesungguhnya sudah ramai bersemangat untuk berjuang sebelum ini akhirnya gagal di tengah jalan apabila bertemu dengan dugaan dan cabaran yang berupa penderitaan. Seandainya generasi tunas hanya mampu bersemangat

untuk waktu yang sementara dan layu di tengah jalan, maka kita akan melihat perjuangan Islam akan terus berada dalam perjalanan yang sukar. Memetik kata Said Zahari (tahanan politik tanpa bicara selama 17 tahun) dalam bukunya, *Meniti Lautan Gelora* : “Saya tidak pernah menangis dan tidak akan menangis hanya kerana saya ditahan”.^[11]

- ? Mempelajari teknik-teknik dakwah yang terbaik. Segala macam bentuk dakwah Islam perlu didalami sebaik mungkin. Konsep tarhib wa targhib dan dakwah bilhikmah perlulah sentiasa dijadikan panduan kepada para pejuang khususnya generasi tunas. Ini penting bagi memastikan masyarakat memahami konsep perjuangan Islam yang sebenar. Seterusnya, masyarakat akan memilih Islam kerana merasakan bahawa Islam adalah merupakan pilihan yang terbaik bukan didorong oleh kebencian terhadap sistem yang ada pada hari ini.
- ? Generasi tunas haruslah sentiasa menyedari bahawa hidup dan mati mereka hanyalah untuk Islam. Setiap langkah yang dibuat haruslah disertakan bersama keikhlasan kepada Allah. Ini kerana merupakan aib yang terlalu besar seandainya mereka yang mengaku sebagai pejuang Islam namun perjuangan yang didokong masih terpalit dengan niat duniawi.

Penutup

Sesungguhnya perjuangan Islam di Malaysia khususnya melalui politik telah melalui ranjau-ranjaunya yang tidak sedikit. Walaupun sering mengalami kekalahan, namun kekentalan para pendokong menjadikan PAS semakin matang menghadapi pelbagai cabaran. Oleh kerana kita melihat bahawa tahun-tahun kebelakangan ini, sokongan rakyat begitu mendadak meningkat, maka seharusnya langkah-langkah bagaimana untuk menangani kemenangan dibincangkan sejak daripada awal lagi. Perlu diingatkan, kemenangan kadang kala merupakan satu anugerah namun kebanyakannya lebih kepada ujian.

Manakala generasi tunas pula harus sentiasa bersiap sedia untuk tampil ke hadapan mendepani cabaran-cabaran yang akan mendatang. Islam pasti akan bangkit semula sebelum berlakunya kiamat dan sudah pasti generasi tunas pada hari ini perlu bersiap sedia ke arah itu.

Semoga Allah memberkati setiap usaha kita dalam memperjuangkan kalimahNya di muka bumi ini. Amin Ya rabbal 'alamin.

AHMAD FADHLI SHAARI adalah siswa tahun 1, Jabatan Dakwah Wal Qiadah, KIAS.

^[1] Surah Fusilat, ayat 33.

^[2] Mohamad Fauzi Zakaria, *Aqidah Yang Menggoncang Dunia : Pemikiran Sayyid Qutb*. Hal. 197

^[3] Said Zahari, *Meniti Lautan Gelora*

^[4] Zabidi Mohammad, *Al-Arqam : Tersungkur Di Pintu Syurga*. Hal : 18

^[5] Ahmad Lutfi Othman, *Wajah Baru Politik Malaysia*, hal. 18

^[6] Saya berpendapat gelaran ini lebih sesuai sekalipun kebanyakan penulis lebih gemar menggunakan gelaran Revolusi Islam Iran.

^[7] Sayuti Omar, *Siapa Pencabar Anwar?* Hal. 50.

^[8] Persoalan yang sama ditimbulkan dan dikupas dengan lebih lanjut oleh Abdullah Al-Qari Haji Salleh, *Kemenangan Islam dan Para Wali Allah*.

^[9] Surah Ali-Imran, ayat 142

^[10] Ini ialah sifat pendakwah yang pertama sekali digariskan oleh Dr. Abdul Karim Zaidan, *Usul Dakwah*.

^[11] halaman 231